

06 SEP 1998

Kedah-Penjelasan

JAWATANKUASA PENERANGAN NEGERI SERAH KEPADA SANUSI

ALOR SETAR, 6 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Penerangan Negeri Kedah akan menyerahkan kepada Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, untuk memberi penjelasan kepada rakyat negeri ini, berhubung pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Pengerusinya Ghazali Ibrahim berkata, Menteri Besar mampu menyakinkan rakyat tentang kedudukan sebenar tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Anwar daripada jawatan itu.

"Bagaimanapun kerajaan negeri merasakan rakyat negeri ini telah pun faham sebab-sebabnya, walaupun penjelasan sebenar belum dibuat," katanya di sini, hari ini.

Anwar dipecat daripada Kabinet Rabu lepas dan hari berikutnya beliau dipecat keanggotaan daripada UMNO.

Ghazali juga menyambut baik langkah Anwar menanggungkan hasratnya untuk menjelajah ke seluruh negara bagi membela diri dan memulakan gerakan reformasi.

"Kalau boleh ianya tidak perlu diadakan kerana itu akan hanya mengakibatkan keadaan menjadi bertambah kusut dan suasana yang tidak tenteram," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Belia Negeri turut mengingatkan golongan belia di negeri ini supaya tidak terbabit memburukkan lagi keadaan berikutan pelucutan jawatan Anwar tersebut.

Para belia perlu bertenang dan menumpukan perhatian kepada kerja-kerja yang perlu dilakukan terutamanya memulihkan ekonomi negara, katanya.

-- BERNAMA

MN RI